

Kesan Pewartaan Taman Laut Ke Atas Penduduk Pulau Tinggi, Mersing, Johor (Marine Park Gazzettement Impacts on Pulau Tinggi Community in Mersing, Johor)

Azima Abdul Manaf¹, Mohd Samsuddin & Mustaffa Omar

¹Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan & Persekutaran
Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Pewartaan Taman Laut Malaysia telah diperuntukkan di bawah Seksyen 41-45 Akta Perikanan 1985. Semenjak pengisytiharannya pada tahun 1994, sejumlah 40 buah pulau telah diletakkan dalam kawasan perlindungan Taman Laut Malaysia. Antaranya kepulauan Pulau Redang dan kepulauan Pulau Perhentian di Terengganu, kepulauan Pulau Payar di Kedah, kepulauan Pulau Tioman di Pahang dan kepulauan Pulau Tinggi di Johor. Matlamat utama pewartaan Taman Laut Malaysia adalah untuk melindungi, memulihara dan mengurus secara berterusan ekosistem marin terutamanya terumbu karang, flora serta fauna. Pewartaan Taman Laut ini juga disertakan dengan peraturan dan undang-undang bagi melindungi keadaan semulajadi kepulauan dan persekitaran laut. Pengisytiharan Kepulauan Pulau Tinggi sebagai Taman Laut boleh disifatkan sebagai sebuah pengiktirafan kepada khazanah warisan yang dimilikinya di samping mewujudkan peluang-peluang ekonom baru untuk penduduk setempat. Namun disebalik langkah pewartaan ini telah mendatangkan kesukaran kepada penduduk yang menghuni pulau-pulau yang terlibat. Artikel ini meneliti langkah pewartaan kepulauan Pulau Tinggi sebagai Taman Laut dan kesannya kepada kehidupan penduduk pulau. Antara lain turut dibincangkan adalah masalah dan cabaran yang dihadapi oleh penduduk pulau kesan daripada pewartaannya sebagai kawasan perlindungan Taman Laut.

Katakunci: Taman Laut Malaysia, Pulau Tinggi, komuniti pulau, pelancongan, impak sosioekonomi

ABSTRACT

Marine Park Malaysia is endorsed under Section 41- 45 Fishing Act 1985. Realization of the Marine Park Malaysia in 1994 brings 40 islands under its protected area. Among these are islands of Pulau Redang and Pulau Perhentian in Terengganu, Islands of Payar in Kedah, the islands of Tioman in Pahang and islands of Pulau Tinggi in Johor. The establishment of Marine Park Malaysia is to protect and conserve various habitat and aquatic marine life especially coral, flora and fauna. Marine Park Malaysia is endorsed by law and legislation to protect the natural resources around the island and its surrounding. Declaration of Pulau Tinggi as the Marine Park has honoured the efforts to protect natural heritage as well as to enhance the economy of the local people. However, it also has caused some problems to the people inhabiting these islands. This article examines the steps taken to gazette Pulau Tinggi islands as a Marine Park and its impact on the local peoples. It also discusses problem and challenges faced by the peoples as a result of its endorsement under the protected area of Marine Park.

Keywords: Marine Park Malaysia, Pulau Tinggi, island community, tourism, socioeconomic impact

PENGENALAN

Pengisytiharan Pulau Tinggi sebagai Taman Laut merupakan satu pengiktirafan terhadap khazanah alam yang dimiliki olehnya. Pengisytiharan tersebut diharapkan akan dapat membuka peluang ekonomi yang lebih banyak kepada penduduk pulau. Justeru itu, pewartaan kepulauan Tinggi sebagai Taman Laut melalui Akta Perikanan 1985, diharapkan akan memberikan impak pembangunan yang besar bukan sahaja terhadap Pulau Tinggi malah kepada pulau-pulau sekitarnya seperti Pulau Balang, Pulau Aur, Pulau Pemanggil dan beberapa buah pulau kecil lain. Namun selepas 26 tahun pengisytiharan tersebut, pulau-pulau di sekitar Pulau Tinggi didapati menghadapi beberapa masalah, antaranya termasuklah penghijrahan keluar penduduk pulau sehingga menyebabkan hari ini terdapat beberapa buah pulau yang tidak lagi berpenghuni. Malah, bagi pulau yang masih berpenghuni pula, bilangan penduduknya adalah tersangat sedikit. Sehubungan itu, artikel ini cuba untuk menyingkap senario pembangunan Pulau Tinggi termasuk masalah dan cabaran yang dihadapi oleh penduduk setempat setelah pulau ini diwartakan sebagai kawasan perlindungan Taman Laut.

PEWARTAAN TAMAN LAUT DI MALAYSIA

Usaha pewartaan Taman Laut bermula pada tahun 1983, apabila kerajaan Malaysia telah mengarahkan Jabatan Perikanan untuk mengambil tanggungjawab bagi menubuhkan dan menguruskan taman-taman laut di Malaysia. Jabatan Perikanan seterusnya telah menjalankan kajian untuk mengenalpasti kawasan-kawasan yang boleh dibangunkan. Pada tahun yang sama sebuah kawasan seluas 8 km di persekitaran Pulau Redang, Terengganu telah diisyiharkan sebagai kawasan larangan perikanan. Dua tahun kemudian, perairan sejauh 3 km dari pantai mengelilingi 22 buah pulau di Kedah, Terengganu, Pahang dan Johor diisyiharkan sebagai kawasan larangan perikanan di bawah Akta Perikanan, 1963. Seterusnya pada 1985, Akta Perikanan 1985 telah dipinda di Parlimen terutama bagi pembentukan taman-taman laut (Abdul Khalil Abdul Karim, 1999).

Taman Laut adalah merupakan sebuah kawasan yang dizonkan sebagai kawasan perlindungan untuk ekosistem marin terutama terumbu karang dan yang berkaitan dengan fauna dan flora. Hari ini perairan di sekitar 40 buah pulau yang dikumpulkan dalam lima kawasan taman laut telah diwujudkan di Malaysia iaitu Taman Laut Pulau Payar di Kedah – 4 pulau, Taman Laut Pulau Redang – 11 pulau, Taman Laut Pulau Tioman di Pahang – 9 pulau, Taman Laut Mersing di Johor – 13 pulau dan Taman Laut Labuan di Labuan – 3 pulau.

KERANGKA KONSEPTUAL

Pembangunan dan kaitannya dengan manfaat terhadap penduduk setempat.

Manfaat pembangunan seharusnya mempunyai kesan limpahan kepada penduduk setempat. Sehubungan itu, kesejahteraan hidup, keselesaan hidup, taraf hidup yang baik, hidup yang berkualiti, harmoni dan bersatupadu adalah matlamat pembangunan yang diidamkan oleh penduduk setempat (Asnarulkhadi Abu Samah,2003). Oleh kerana pembangunan penduduk setempat merupakan satu proses yang panjang dan berterusan, maka lambat laun ini akan membawa satu perubahan yang bersifat progresif dan menyeluruh ke atas penduduk. Sehubungan itu, penyertaan penduduk setempat adalah penting dalam proses perubahan. Tanpa penyertaan penduduk setempat, mereka tidak akan dapat menikmati manfaat daripada usaha pembangunan tersebut. Bagi memastikan hasrat ini ducapai maka penyertaan penduduk setempat perlu diberi perhatian terutama dalam konteks membuat keputusan, menikmati faedah dan membuat penilaian (Cohen dan Uphoff,1977).

Dalam konteks pembangunan secara umum, World Bank (1992) telah menekankan empat senario hubungan antara persekitaran dengan manfaat terhadap penduduk setempat.

- (i) **Senario menang – menang (*win-win scenario*)**. Situasi ini menjelaskan hubungan yang positif antara persekitaran dengan manfaat yang akan diterima oleh penduduk setempat. Pada kebiasaannya situasi ini akan membawa kepada peningkatan pendapatan per kapita penduduk. Dalam masa yang sama unsur-unsur percemaran terhadap alam sekitar juga dapat dikurangkan. Ini bermakna pembangunan yang bersifat mampan perlu diberikan perhatian dengan memberikan pertimbangan terhadap aspek ekonomi dan sosio-budaya. Justeru itu, bukan sahaja penduduk setempat yang akan menerima manfaat pembangunan tetapi dalam masa yang sama persekitaran yang ada akan menerima manfaat dalam konteks pemeliharaan dan pemuliharaan kawasannya.
- (ii) **Senario menang – kalah (*win – lose scenario*)**. Situasi ini digambarkan apabila persekitaran mendapat manfaat sedangkan penduduk setempat dinafikan hak mereka. Contoh yang jelas apabila sesebuah kawasan diisyiharkan sebagai kawasan yang dilindungi seperti Taman Negara yang melibatkan pemeliharaan dan diuruskan oleh badan-badan tertentu dengan tujuan mengekalkan persekitaran semulajadinya, sebaliknya dalam masa yang sama penduduk setempat pula kehilangan haknya terhadap kawasan berkenaan. Percanggahan manfaat ini juga boleh menyebabkan penduduk setempat kehilangan punca mata pencarian dan sebagainya. Hal ini akhirnya mewujudkan konflik antara kesejahteraan penduduk setempat dengan peruntukan dan undang-undang yang disediakan untuk pemeliharaan persekitaran.
- (iii) **Senario kalah-menang (*lose – win scenario*)**. Situasi ini melibatkan persekitaran yang semakin teruk sedangkan kepentingan lain semakin meningkat. Sebagai contoh pembangunan di kawasan pinggir pantai menyebabkan keadaan persekitaran pinggir pantai akan tercemar teruk sedangkan hotel-hotel yang dibina di sepanjang pantai tersebut akan terus menerima limpahan kedatangan pengunjung bagi tujuan keuntungan.
- (iv) **Senario kalah-kalah (*lose-lose scenario*)**. Gambaran bagi keadaan ini melibatkan penggunaan sumber yang ada untuk tujuan tarikan pelancongan. Namun demikian akibat kelemahan pengurusan dan sebagainya telah membawa permasalahan yang melibatkan kemusnahan persekitaran dan masa yang sama gagal memberi manfaat kepada penduduk yang terlibat. Sebagai contoh, dalam pembangunan pinggir pantai, tarikan utama adalah terumbu karang. Namun akibat kelalaian pihak pengurusan menyebabkan terumbu semakin pupus, dan penduduk yang terlibat dalam industri ini pula menghadapi masalah kemerosotan pengunjung. Keadaan ini akhirnya menimbulkan konflik antara persekitaran dengan persekitaran dan manusia dengan manusia.

SUMBER DATA DAN METOD

Data kajian diperolehi melalui teknik temubual bersemuka dan pemerhatian sewaktu di lapangan yang dijalankan dalam bulan November 2008 di Pulau Tinggi. Sesi kerja lapangan ini dijalankan bagi mengumpul maklumat kualitatif dengan menemubual para informan dalam kalangan penduduk dan pemimpin setempat termasuklah ketua kampung, ahli jawatankuasa pentadbiran kampung, orang tua-tua kampung, pemimpin belia, operator chalet setempat, para peniaga, nelayan dan operator bot pelancong. Selain itu, beberapa kakitangan awam yang bertugas di pulau tersebut seperti polis, guru sekolah, dan kakitangan Jabatan Laut juga ditemubual.. Data yang telah dikumpulkan kemudian dianalisis dan dipersembahkan secara deskriptif.

PENEMUAN DAN PERBINCANGAN

Senario pembangunan pelancongan di Pulau Tinggi dan kawasan sekitarnya.

Selepas diumumkan sebagai kawasan taman laut di Pulau Tinggi, kawasan ini secara otomatis telah menjadi kawasan larangan bagi aktiviti perikanan terutama dalam jarak dua nautikal batu dari

pantai. Di samping itu kawasan daratan pulau ini juga diletakkan dalam kawasan Taman Negara yang turut melarang sebarang aktiviti perhutanan dilakukan. Langkah ini menjadikan penduduk di kawasan kepulauan yang terlibat tidak lagi bebas menjalankan aktiviti perekonomian harian mereka sama ada di laut maupun di daratan. Ke laut dalam jarak dua nautikal batu, mereka tidak dibenarkan menangkap ikan atau hasil laut lain. Manakala apabila di daratan pulau, mereka tidak sebebas dahulu boleh mengeluarkan hasil dari kawasan hutan atau bukit tertentu kerana telah diletakkan di bawah perlindungan taman negara. Ini menjadikan penduduk kepulauan yang terlibat berhadapan dengan beberapa halangan peraturan dan akta yang ditetapkan oleh pihak Taman Laut dan Taman Negara Johor. Sebaliknya mereka telah diberikan dengan satu harapan untuk terlibat dalam aktiviti pelancongan yang ditawarkan melalui pengisytiharan Taman Laut.

Pulau Tinggi adalah merupakan sebuah mukim dalam Daerah Mersing. Di awal kemunculannya, terdapat 19 buah kampung di pulau ini (lihat Jadual 1). Pulau Tinggi telah dikenali umum sebagai salah satu pulau menarik untuk kunjungan pelancong. Keindahan dan kejernihan air lautnya telah membuka peluang kepada beberapa agensi pelancongan seperti Nadia's Inn untuk membuka chalet di kawasan berkenaan. Penglibatan Nadia's Inn pada awalnya telah memberi nafas baru kepada pembangunan Pulau Tinggi kerana menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat. Antara aktiviti utama pengunjung ke sini adalah untuk memancing, di samping menjalankan beberapa aktiviti air yang lain. Pemerhatian pengkaji di Pulau Tinggi menjelaskan bahawa Nadia Inn pernah bertapak di kawasan ini dengan pembinaan chalet yang bercirikan

Jadual 1 : Senarai kampung yang terdapat dalam mukim Pulau Tinggi

Kg Tg Balang	Kg Penaga	Kg Kelopak
Kg Terih	Kg Pasir Panjang	Kg Teluk Sauk
Kg Sebirah Kecil	Kg Sebirah Besar	Kh Teluk Siam
Kg Buluh Kasap	Kg Kota	Kg Solor Gading
Kg Air Kolam	Kg Tg Keramat	Kg Semembar Besar
Kg Semembar Kecil	Kg Selipas	Kg Teluk Pinang
Kg Segala		

seni ukiran Melayu. Bagi membolehkan pengunjung yang datang merasa selesa, pihak chalet juga telah menyediakan beberapa kemudahan lain seperti kolam renang, bilik mesyuarat, dewan serta aktiviti permainan air seperti kayak dan sebagainya.

Perkembangan pembangunan pelancongan di Pulau Tinggi ini dalam jangkamasa pendek telah berjaya membawa impak yang positif kepada penduduk setempat. Pada peringkat awalnya ramai penduduk pulau yang terlibat dan berkhidmat di chalet ini sebagai tukang kebun, pelayan restoran, tukang masak, kerja pencucian dan sebagainya. Peluang pekerjaan yang disediakan ini telah menyebabkan penduduk setempat mendapat pendapatan tambahan daripada industri baru ini. Malah ada dalam kalangan penduduk pulau ini yang berpeluang menambah pendapatan melalui usaha menyewakan bot kepada pelancong untuk tujuan memancing dan seumpama. Namun pepatah Melayu ada menyatakan '*sangka panas sampai ke petang, rupanya hujan di tengahari*'. Impian penduduk setempat bahawa Pulau Tinggi mampu menyaingi Pulau Tioman akhirnya tidak menjadi kenyataan. Kini Pulau Tinggi dan pulau-pulau sekitarnya menjadi sepi tanpa penghuni. Majoriti penduduk pulau ini telah berhijrah keluar untuk mencari penghidupan yang lebih baik di kawasan tanah besar Mersing.

Penelitian seterusnya akan memberikan perhatian terhadap pewartaan Pulau Tinggi sebagai Taman Laut. Pengamatan pengkaji di kawasan Pulau Tinggi mendapati senario pembangunan di kawasan ini lebih cenderung kepada senario menang-kalah (*win –lose*). Hal ini jelas ditunjukkan dalam Rajah 1:


Yang menang siapa? → Taman Laut Pulau Tinggi (kenapa?) → Ada Akta Taman
 Laut yang direkodkan → kesannya -persekitaran Taman Laut terpelihara
 Yang kalah siapa? → Penduduk pulau (kenapa?) → Akta yang ada telah menafikan hak mereka ke atas sumber yang ada → kesannya -penduduk berundur dan berhijrah keluar yang akhirnya mewujudkan masalah perlucutan harta dan sebagainya.

Rajah 1:Senario pembangunan menang kalah (win lose).

Senario pembangunan dalam Rajah 1 di atas menjelaskan dua situasi berikut. Di satu pihak, persekitaran warisan khazanah alam semulajadi berjaya dipertahankan sedangkan di satu pihak lagi penduduk setempat semakin dihimpit kesukaran dalam memenuhi keperluan hidup harian. Dalam kata lain, menurut Erlet (1995), *survival* penduduk pulau dilihat semakin terancam dan keadaan ini akhirnya memberikan impak yang besar kepada kesejahteraan hidup penduduk pulau seumpama ini. Sehubungan itu, penelitian seterusnya adalah terhadap masalah dan cabaran yang dihadapi oleh penduduk pulau dalam meneruskan kehidupan mereka selepas proses pewartaan Pulau Tinggi dan pulau sekitarnya sebagai rezab Taman Laut.

Masalah untuk menjalankan aktiviti ekonomi harian


Sebelum Pulau Tinggi diwartakan sebagai Taman Laut, majoriti penduduk pulau dilaporkan menyara kehidupan harian dengan menjadi nelayan kecil yang menjalankan aktiviti menangkap ikan di sekitar kawasan perairan Pulau Tinggi. Namun hasil temubual dengan beberapa penduduk setempat mendapati sejak pengisytiharan pulau ini sebagai kawasan perlindungan Taman laut, wujud konflik terhadap penduduk setempat untuk meneruskan aktiviti ekonomi harian. Kebanyakan nelayan tidak dibenarkan menangkap ikan dalam lingkungan dua batu nautika, lantas menjelaskan pendapatan nelayan yang rata-ratanya menjalankan kegiatan penangkapan ikan secara tradisi (lihat Rajah 2). Temubual dengan penduduk menjelaskan bahawa ada di antara mereka yang telah dikenakan denda oleh pasukan marin kerana melanggar peraturan yang telah ditetapkan. Denda yang dikenakan pernah dilaporkan mencecah RM100, sedangkan pendapatan yang mereka peroleh melalui aktiviti menangkap ikan lebih rendah daripada jumlah denda yang dikenakan ke atas mereka.



Rajah 2 : Papan Tanda Perintah Larangan Taman Laut di Pulau Tinggi

Masalah untuk mendapatkan peluang pekerjaan di kawasan pulau

Berbanding keadaan sebelum perwartaan sebagai Taman Laut, penduduk Pulau Tinggi memaklumkan bahawa mereka tidak sukar untuk melakukan kerja-kerja kampung. Antara kerja kampung yang biasa dilakukan termasuklah mengambil upah membuat ikan masin, memanjang kelapa, mengusahakan kebun, bekerja di chalet sebagai tukang pencuci, tukang kebun dan sebagainya. Namun kini semua tidak semudah dahulu (lihat Rajah 3).



Rajah 3 : Papantanda larangan Taman Negara di Pulau Tinggi

Himpitan kehidupan di pulau menyebabkan ramai penduduk terpaksa keluar berhijrah ke tanah besar Mersing. Penghijrahan penduduk pulau dikatakan mempunyai kaitan dengan tekanan yang dihadapi penduduk yang selama ini mencari rezeki dengan bergantung kepada hasil laut sebagai sumber pencarian utama dan hasil hutan sebagai sumber pencarian sampingan. Larangan-larangan tertentu terutamanya bagi aktiviti memancing dan menangkap ikan dalam jarak radius tertentu telah menyukarkan penduduk pulau untuk meneruskan kegiatan penangkapan ikan secara tradisi. Begitu juga hal ini dengan larangan mengumpul hasil hutan dalam kawasan Taman Negara yang sebelum ini tidak bermasalah kepada penduduk setempat. Fenomena ini menjelaskan bahawa penduduk setempat telah gagal mendapat manfaat daripada pengistiyaran Pulau Tinggi sebagai Taman Laut dan Taman Negara. Akibatnya, terdapat dalam kalangan anak-anak penduduk pulau yang bersekolah di tanah besar Mersing terpaksa diberhentikan kerana masalah kewangan yang dihadapi ibubapa yang menetap di pulau ini.

Masalah penghijrahan keluar penduduk pulau

Penghijrahan keluar penduduk Pulau Tinggi juga berlaku berikutan penutupan beberapa chalet termasuklah Nadia's Inn. Penutupan beberapa chalet tersebut menyebabkan peluang ekonomi dan sumber pendapatan penduduk turut berkurangan. Sebagai langkah alternatif daripada desakan hidup ini telah memaksa mereka untuk berhijrah keluar dari pulau tersebut. dengan menumpang saudara-mara di tanah besar Mersing untuk beberapa waktu sebelum mereka dapat menyewa rumah di kawasan berhampiran. Temubual dengan beberapa orang responden turut menjelaskan mereka yang berhijrah keluar adalah disebabkan mencari pekerjaan dan peluang pendidikan lebih baik untuk anak-anak.

Selain itu, penghijrahan penduduk pulau juga telah menyebabkan pulau ini seolah-olah mati. Di kampung Balang misalnya ada disediakan sederetan kedai untuk orang kampung berniaga. Nilai sewa bulanan yang perlu dibayar oleh penduduk kampung adalah RM50 sebulan. Temubual dengan pemilik kedai menjelaskan bahawa walaupun harga sewa yang dikenakan hanya RM50 sebulan, namun mereka masih tidak mampu membayarnya. Ini kerana kedai berkenaan jarang dikunjungi pembeli berikutan jumlah penduduk dan pelanggannya yang sangat sedikit.

Berikutnya masalah yang dihadapi oleh penduduk pulau telah menimbulkan beberapa cabaran kepada mereka ini untuk meneruskan kehidupan di masa depan.

Cabaran untuk mempertahankan hak dan warisan

Penelitian di lapangan mendapati senario pembangunan di pulau-pulau yang digazetkan di bawah kawasan perlindungan Taman Laut lebih bersifat menang-kalah (*win-lose*). Fenomena ini boleh diteliti melalui Akta Taman Laut (Akta Perikanan 1985) yang telah menetapkan beberapa perkara berikut:

1. Memberi perlindungan khas kepada flora dan fauna akuatik di kawasan itu atau di sebahagian daripada kawasan itu dan untuk melindungi memelihara dan mengawal tapak pembiakbaik semulajadi dan habitat hidupan akuaktik dengan memberi perhatian yang khusus kepada spesies flora dan fauna yang luar biasa atau yang mendatangkan bahaya;
2. Membiarkan hidupan akuatik hidup semula di kawasan itu atau di sebahagian daripada kawasan itu di mana hidupan itu telah pupus;
3. Menggalakkan pengkajian dan penyelidikan saintifik berkenaan dengan kawasan itu atau sebagian daripada kawasan itu;
4. Mengkekalkan dan meninggikan keadaan asli dan daya pengeluaran kawasan itu atau sebahagian daripada kawasan itu;
5. Mengawalselia aktiviti rekreasi dan lain-lain aktiviti dalam kawasan itu atau dalam sebahagian daripada kawasan itu untuk mengelakkan kerosakan yang tidak boleh dipulihkan kepada persekitarannya.

Justeru itu, sampai masanya pihak yang bertanggungjawab memberikan penelitian terhadap keperluan pembangunan yang bersifat menang-menang (*win-win*) di Pulau Tinggi ini. Antaranya dengan memberikan perhatian terhadap elemen manusia sebagai warisan budaya bagi pulau-pulau yang berpenghuni. Beberapa pindaan dalam Akta Perikanan 1985 perlu diberi perhatian semula agar penghuni pulau-pulau yang diberi taraf Taman Laut tidak dinafikan hak mereka untuk menikmati erti pembangunan. Bidalan Melayu terhadap Pak Kaduk harus dijadikan iktibar, '*menang sorak kampung tergadai*'. Dalam hal ini penduduk pulau boleh berbangga dengan pengiktirafan tersebut tapi apalah gunanya jika sekiranya mereka tidak memperoleh manfaat daripadanya.

Cabaran untuk mengelakkan perlucutan harta persendirian

Cabaran seterusnya yang dihadapi oleh penduduk pulau adalah mengelakkan perlucutan harta persendirian seperti tanah. Penelitian di Pejabat Tanah Mersing mendapati, hampir keseluruhan tanah di Pulau Tinggi mempunyai surat hakmilik. Surat hakmilik tersebut membolehkan urusniaga berjalan dengan lancar. Temubual dengan beberapa orang informan yang telah berhijrah ke daratan Mersing mengakui bahawa mereka dahulu ada mempunyai hak pemilikan tanah di Pulau Tinggi. Hak pakai penduduk terhadap tanah pulau diakui di bawah peruntukan Rizab Melayu Pulau-pulau No Gazet 280 bertarikh 23.3.1938. Bagaimanapun, hak milik yang berstatus pegangan bebas ini tidak boleh menghalang pemiliknya untuk menjual mahupun mencagarkannya kepada orang persendirian. Sehubungan itu, terdapat dalam kalangan penduduk pulau ini yang telah menjual tanah mereka dengan tujuan untuk memulakan kehidupan baru di tanah besar Mersing. Wang yang diperoleh daripada hasil penjualan tanah tersebut telah digunakan untuk membeli bot, di samping ada yang menggunakan untuk memulakan perniagaan secara kecil-kecilan. Walau apapun alasan yang diberikan, isu penjualan tanah ini telah menyebabkan meningkatnya masalah perlucutan harta milik peribadi dalam kalangan penduduk setempat. Jika fenomena ini tidak dikawal daripada terus berleluasa, dikhuatiri lambat laun akan memberi impak negatif terhadap pemilikan tanah pulau oleh penduduk setempat. Kebimbangan ini ada kewajarannya memandangkan jika isu jualbeli tanah ini tidak dipantau dengan segera, maka tanah pulau ini lambat laun akan dimiliki oleh orang luar yang mengambil kesempatan daripada situasi yang berlaku.

Cabaran mengembalikan orang pulau ke pulau

Orang pulau yang berhijrah keluar terpaksa menghadapi pelbagai kesulitan. Kebanyakan mereka yang berhijrah keluar akan berhadapan dengan dunia baru yang tidak pasti untung atau ruginya. Mereka telah melakukan banyak pengorbanan seperti menjual tanah milik dengan harapan untuk memulakan hidup baru. Kampung Bahagia adalah destinasi persinggahan kebanyakan orang pulau sewaktu mereka mula sampai ke tanah besar Mersing. Setelah keadaan menjadi stabil barulah mereka akan membawa keluarga bersama. Perpindahan keluar orang pulau dapat dikurangkan jika peluang-peluang ekonomi dapat ditingkatkan untuk mereka menyara hidup. Sehubungan itu, kebimbangan bahawa suatu hari nanti keseluruhan pulau-pulau ini tidak berpenghuni lagi perlu diberikan perhatian segera oleh pihak yang berkuasa. Ini bermakna cabaran paling besar ketika ini adalah untuk mengembalikan dan mengekalkan orang pulau di pulau-pulau sedia ada. Beberapa bentuk program pembangunan yang bersifat menang-menang (*win-win*) perlu dikenalpasti. Antaranya ialah membangunkan perusahaan IKS di pulau ini terutama dengan melibatkan penduduk setempat mengusahakan bahan-bahan setempat yang banyak di sekitar pulau ini seperti hasil kelapa dan binatang ternakan. Selain kelapa dan binatang ternakan, kawasan ini juga kaya dengan catatan sejarahnya yang tersendiri. Penelitian terhadap sejarah pulau ini boleh dijadikan penarik kepada para pelancongan. Keadaan ini secara tidak langsung akan menyediakan Pulau Tinggi dengan peluang pekerjaan baru, lantas mampu menarik masuk golongan yang berhijrah untuk kembali semula ke pulau tempat asal mereka.

KESIMPULAN

Artikel ini telah merangka penelitian yang berkaitan dengan impak pewartaan Pulau Tinggi terhadap penduduk setempat. Seperti yang dilaporkan oleh Bank Dunia (1992), perancangan pembangunan yang bersifat pewartaan seumpama ini lebih cenderung mewujudkan situasi menang–kalah (*win-lose*) terhadap penduduk setempat. Oleh yang demikian, pihak yang bertanggungjawab perlu lebih berhati-hati dalam merangka pewartaan sesuatu kawasan yang berpenghuni kerana kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan kesejahteraan hidup penduduk setempat mudah terancam.

PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih dirakamkan kepada Direktorat Oseanografi Kebangsaan (NOD) dari Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI); Pusat Penyelidikan Ekosistem Marin (EKOMAR, FST UKM); dan Pejabat Daerah Mersing yang menganjurkan XPDC Penyelidikan Pantai Timur Johor Siri Ketiga. Di samping itu, ucapan terima kasih juga ditujukan kepada penduduk Pulau Tinggi dalam Daerah Mersing di atas kerjasama yang diberikan sewaktu kerja lapangan ini dijalankan.

RUJUKAN

- Abdul Khalil Abdul Karim. 1999. Malaysian legislation on the management of marine protected areas and marine parks. Report of the Regional Symposium on Marine Protected Areas and Their Management, Chennai.
- Akta Perikanan 1985. Laman Web Rasmi, Jabatan Perikanan Malaysia, Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani Malaysia. <http://www.dof.gov.my/web/guest/262>.
- Asnarulkhadi Abu Samah. 2003. *Pengenalan Pembangunan Komuniti*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Cohen J.C. & Uphoff N.T. 1977. *Rural development participation*. Cornell: Cornell University

- Erlet C.1995. Environmental Contradictions in Sustainable Tourism. *Journal Geographical.* Vol 161.
No.1 March: 21-28
World Bank. 1992. *World Development Report.* Washington: O.U.P